

# Malaysia mampu atasi sasaran pelaburan

**Capai 47 peratus sasaran seluruh tahun RM113.5 bilion pada suku pertama**

**Malaysia** dijangka mengatasi sasaran pelaburan diluluskan tahun ini dengan menjalin kerjasama dengan negara-negara jirannya, berbanding bersaing bersama mereka.

Setakat ini, Malaysia sudah mencapai 47 peratus sasaran seluruh tahun RM113.5 bilion pada suku pertama, dengan dua bulan berikutnya menunjukkan peningkatan berbanding 2018, kata Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Abdul Majid

Ahmad Khan dalam satu temubual.

Sasaran itu bagaimanapun penurunan RM201.7 bilion yang dicatatkan tahun lalu.

Rantau ini, yang mempunyai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tergabung AS\$2.8 triliun, sedang mencari jalan untuk menyerap impak perang perdagangan yang semakin meluas melangkap Amerika Syarikat (AS) dan China.

"Kami tidak mahu bersaing atau menyakiti antara satu sama lain, kami mahu melengkapinya sendiri," kata Abdul Majid, yang dilantik ke jawatan itu pada April lalu di pejabatnya di Kuala Lumpur.

"Setiap negara mempunyai pengkhisus dan kekuatan tersendiri. Itulah ekosistem yang sedang kami usahakan."

Malaysia besempadan dengan gergasi seratau, Indonesia dan negara kuasa pengeluaran, Thailand, Justeru ia tidak sepatutnya bersaing secara terus dengan

kedua-dua negara itu, katanya.

Sebaliknya, Malaysia meninjau untuk menarik pelaburan teknologi lebih tinggi dalam pelbagai sektor termasuk peralatan perubatan, aeroangkasa dan bioteknologi.

Malaysia akan menempatkan diri sebagai hab bekalan seratau, mengambil peluang daripada lokasinya yang berhampiran lautan maritim seperti Selat Melaka yang menghubungkan India ke Asia Tenggara hingga China.

Negara ini juga mempunyai banyak pelabuhan, rangkaian infrastruktur yang semakin bertambah dan peraturan yang mantap, menjadikannya lokasi menarik untuk syarikat-syarikat multinasional, katanya.

Pelaburan menjadi nota positif kepada Malaysia di tengah-tengah tinjauan pertumbuhan negara ini yang perlamban.

Bank pusat minggu ini memberi amaran risiko penurunan kepada unjuran 4.3 hingga 4.8 peratus, meskipun peralihan perdagangan boleh menambah kira-kira 10 mata asas kepada pertumbuhan tahun ini.

Malaysia meninjau menarik pelabur yang cuba menyelamatkan kedudukan daripada perang perdagangan dengan menawarkan insentif, memudahkan proses dan menjamin putangan.

"Kami menjanjikan mereka inilah pusat keuntungan," kata Abdul Majid.

"Kami mahu memberi jaminan kepada pelabur, jika anda datang ke sini, anda bukan hanya mampu kekal, malah melabur semula dan berkembang."

BLOOMBERG



Malaysia meninjau untuk menarik pelaburan teknologi lebih tinggi dalam pelbagai sektor, termasuk peralatan perubatan, aeroangkasa dan bioteknologi.

(Foto Hasaan)